

# Proton tidak akan dijual — PM

Oleh  
LOKMAN OTHMAN

UM - 9 MAY 2000

SHAH ALAM 8 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa syarikat pengeluar kereta nasional, Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) tidak akan dijual kepada mana-mana syarikat asing kerana ia kepunyaan dan kebanggaan rakyat Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, walaupun pada ketika ini dunia menyaksikan gabungan syarikat-syarikat automobil terkemuka sehingga menjadi pakatan gergasi untuk memenuhi kehendak globalisasi, Proton tidak akan terikut-ikut dengan arus tersebut.

“Kita tahu ekoran gabungan tersebut mereka mampu menghasilkan pelaburan yang tinggi terutama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) menjadikan kita sukar melawan, tapi Proton akan tetap menghadapi cabaran dan persaingan.

“Apa yang penting kita tidak mahu dimiliki dan pada akhirnya kita tiada lagi kereta nasional. Sebab itulah kita rasakan penting kita kuasai teknologi ini,” katanya semasa melancarkan Proton Waja dan logo baru kereta kebanggaan negara itu.

Logo tersebut menampilkan imej kepala harimau emas menggantikan logo bulan dan bintang.

## Berazam

Dr. Mahathir menambah yang pasti apa Malaysia dan rakyatnya berazam “berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah” dengan negara-negara pengeluar yang maju dalam persaingan automotif dunia.

“Kita bukan tolak globalisasi tapi kita mahu kekal sebagai satu bangsa yang mampu bersaing. Kebolehan kita sendirilah yang penting,” ujar Perdana Menteri.

Turut hadir pada majlis pelancaran gilang-gemilang di Stadium Malawati di sini ialah Pengerusi Proton Berhad, Tan Sri Mohd Saleh Sulong serta Ketua Pegawai Eksekutif Proton Berhad, Datuk Paduka Tengku Mahaleel Tengku Ariff.

Mengulas lanjut keazaman Malaysia mengharungi cabaran persaingan pasaran automobil antarabangsa itu. Dr. Mahathir berkata, adalah menjadi cita-cita pada akhirnya negara mampu menguasai tekno-



LOGO Proton Waja yang mempamerkan kepala harimau berlatarbelakangkan warna hijau dan perkataan Proton di atas.

logi automobil seterusnya memasuki bidang-bidang berkaitan yang lain.

Sambil menyifatkan keazaman berkenaan sekeras waja (nama model baru Proton), Perdana Menteri berkata, walaupun Proton tidak akan dijual, syarikat pengeluar kereta itu akan tetap menjalankan kerjasama dengan pengeluar-pengeluar atau rakan niaga asing yang lain.

“Memang kita tidak boleh melabur besar berbanding syarikat-syarikat kereta yang telah bergabung itu, tetapi proses kerjasama dan pertukaran teknologi dengan syarikat-syarikat itu masih boleh dijalankan. Mereka dapat sesuatu daripada kita dan begitulah sebaliknya.

“Ini lebih baik daripada kita mengambil jalan mudah dengan menjual sahaja Proton.

“Pokoknya, rakyat negara ini mesti bebas melakukan sesuatu atas usaha sendiri dengan reka bentuk serta teknologi sendiri dan itulah tujuan sebenar Malaysia mengeluarkan keretanya sendiri sejak tahun 1985,” katanya.